

Lampiran 3-1

Surat Iringan Soal Selidik

Kepada Tuan/Puan yang dihormati

Nama Penuntut: En Azizol Rahman b Hj Lope Pihie

Tarikh : 8/10/2000

Tajuk kajian: Kapasiti Kepimpinan Dan Keberkesanan Sekolah: Kajian Keatas Sekolah Menengah Di Daerah Besut, Terengganu.

Institusi : Universiti Malaya

Tuan/Puan

Soal selidik ini adalah bertujuan untuk melihat kewujudan dan kekuatan kapasiti kepimpinan guru dan kapasiti kepimpinan sekolah di beberapa buah sekolah di Daerah Besut.

Buku soalan kajian ini terdiri dari tiga bahagian iaitu A,B dan C. Bahagian A adalah berkenaan demografi responden, bahagian B adalah berkenaan penilaian terhadap disposisi kepimpinan, pengetahuan, dan skil yang diperlukan untuk membina kapasiti kepimpinan di sekolah dan organisasi, dan bahagian C pula adalah untuk mentaksir keadaan dan kewujudan kapasiti kepimpinan di sekolah.

Setiap soalan dari bahagian B dan C yang dikemukakan adalah diikuti dengan lima pilihan jawapan iaitu dari skel 1 hingga 5. Tuan/Puan di harap dapat memberikan kerjasama dengan membulatkan pada nombor yang telah dipilih sebagai jawapan pilihan. Jawapan yang anda berikan itu adalah rahsia dan tidak akan digunakan untuk selain dari maksud kajian ini.

Segala kesanggupan , kejujuran , kesusahan dan masa yang telah Tuan/Puan luangkan untuk menjawab soalan-soalan kajian ini saya ucapkan ribuan terima kasih.

Yang benar

(Azizol Rahman b hj Lope Pihie)

Lampiran 3-2

Soalan Soal Selidik

Bahagian A

Sila bulatkan pilihan anda pada nombor yang berkaitan

1. Jantina anda A. Lelaki B. Perempuan

2. Umur anda

- A. Kurang dari 25 tahun
- B. 25 hingga 29 tahun
- C. 30 hingga 34 tahun
- D. 35 hingga 39 tahun
- E. lebih dari 39 tahun

3. Kelulusan akademik tertinggi

- A. SPM/MCE
- B. STPM/STP/HSC/Politeknik
- C. Diploma
- D. Ijazah
- E. Lain-lain

4. Pengalaman mengajar

- A. Kurang dari satu tahun
- B. 1 hingga 4 tahun
- C. 5 hingga 9 tahun
- D. lebih dari 10 tahun

Bahagian B

Sila baca setiap kenyataan dengan teliti, fikir dan bulatkan mana-mana jawapan yang sesuai bagi setiap kenyataan berikut mengikut pilihan anda berdasarkan skel berikut.

- 1 Tidak melakukannya
- 2 Kadang-kadang melakukannya
- 3 Kerap kali melakukannya
- 4 Berterusan melakukannya
- 5 Boleh mengajar orang lain

1. Membantu dalam mewujudkan kerja-kerja pentadbiran dan kerja-kerja kumpulan secara bersama.

1 2 3 4 5

2.	Membantu pengurusan sekolah untuk memaksimumkan interaksi di kalangan warga sekolah dengan komuniti	1	2	3	4	5
3.	Berkongsi kuasa dan sumber yang telah diperuntukkan secara meluas dalam unit /bidang anda	1	2	3	4	5
4.	Libatkan orang lain dalam peluang yang ada untuk memimpin.	1	2	3	4	5
5.	Menjadi model, menjelaskan dan menunjuk cara kemahiran-kemahiran kepimpinan yang berikut:					
a.	Membina matlamat pembelajaran bersama dan dikongsi bersama	1	2	3	4	5
b.	Memudah cara proses berkumpulan	1	2	3	4	5
c.	Berkomunikasi (terutamanya mendengar dan menyampaikan)	1	2	3	4	5
d.	Perancangan secara kolaboratif	1	2	3	4	5
e.	Mengambil tahu masalah dan isu yang dihadapi oleh komuniti sekolah	1	2	3	4	5
f.	Refleksi terhadap amalan	1	2	3	4	5
g.	Menguruskan konflik yang timbul di kalangan rakan dewasa.	1	2	3	4	5
h.	Menyelesaikan masalah dengan rakan dan pelajar	1	2	3	4	5
i.	Menguruskan inovasi dan transisi dalam unit/bahagian / sekolah.	1	2	3	4	5
6.	Berkomunikasi dengan cara tindakan dan perkataan tentang kepimpinan dan pembelajaran.	1	2	3	4	5
7.	Melibatkan orang lain dalam kitaran pembelajaran (iaitu refleksi, dialog, penyelidikan, dan pelan tindakan).	1	2	3	4	5
8.	Membina perancangan dan penjadualan untuk mengadakan sesi dialog dan refleksi secara bersama pada masa yang dipersetujui.	1	2	3	4	5

9.	Mengenalpasti, mendedahkan dan, mentafsirkan maklumat, data atau peristiwa sekolah.	
10.	Merekabentuk dan melaksanakan satu sistem komunikasi yang boleh memastikan semua boleh mengetahuinya, menjaga dan mentafsirkan data itu.	1 2 3 4 5
11.	Mengambil bahagian bersama yang lain dalam proses pentadbiran yang menggabungkan data semasa membuat keputusan yang dikongsi bersama	1 2 3 4 5
12.	Menghayati peranan diri sendiri termasuk dalam memberi perhatian terhadap bilik darjah, sekolah, dan komuniti dan profesyen.	1 2 3 4 5
13.	Memerhati dan peka bahawa guru melaksanakan tugas di luar peranan biasanya dan memaklumkan kepadanya berhubung dengan faedah perubahan tersebut.	1 2 3 4 5
14.	Membentuk strategi untuk memperkuhkan hubungan baru yang akan wujud hasil daripada peranan yang lebih luas.	1 2 3 4 5
15.	Membentuk jangkaan dan strategi bersama untuk memastikan bahawa peserta berkongsi tanggungjawab untuk melaksanakan apa yang telah dipersetujui bersama oleh komuniti sekolah.	1 2 3 4 5
16.	Memastikan amalan penyelidikan dan penjadualan masa melibatkan peringkat amalan refleksi yang berterusan.	1 2 3 4 5
17.	Menunjuk cara dan menggalakkan usaha individu dan usaha kumpulan dengan menyediakan kemudahan sumber, kakitangan dan masa.	1 2 3 4 5
18.	Mengamalkan di samping menyokong sebarang inovasi kejayaan tanpa mengharapkan kejayaan terlalu awal.	1 2 3 4 5
19.	Menyertai dan memberi galakan terhadap pembaharuan yang dibina secara kolaboratif.	1 2 3 4 5
20.	Melibatkan diri dengan mereka yang membuat inovasi untuk memajukan diri, penaksiran, dan mempunyai akauntabiliti dalam menilai kerja individu dan kerja kumpulan.	1 2 3 4 5

21.	Bekerjasama dengan komuniti sekolah untuk mencapai keperluan dan kehendak manusia masa kini yang mencabar.	1	2	3	4	5
22	Merekabentuk, mengajar, melatih, dan mentafsir kurikulum pengajaran dan penilaian yang dibuat dengan berdasarkan prestasi pelajar.	1	2	3	4	5
23.	Memberikan maklumbalas yang yang sistematik kepada pelajar dan ibu-bapa tentang kemajuan pelajar itu.	1	2	3	4	5
24	Menerima maklumbalas tentang jangkaan pembelajaran anak dari keluarganya.	1	2	3	4	5
25	Merangka semula peranan dan struktur untuk membolehkan sekolah membangunkan program yang boleh membangunkan resiliensi pelajar.	1	2	3	4	5
26	Memastikan kitaran pembelajaran di sekolah dapat mengjangkau pencapaian melalui prestasi penilaian kerja pelajar, peperiksaan dan penyelidikan.	1	2	3	4	5

Bahagian C

Sila baca setiap kenyataan dengan teliti, fikir dan bulatkan mana-mana jawapan yang sesuai bagi setiap kenyataan berikut mengikut pilihan anda berdasarkan skel berikut;

- 1 Kami tidak melakukan perkara ini di sekolah kami
- 2 Kami sedang bermula ke arah itu
- 3 Kami sedang melakukan kemajuan di sini
- 4 Kami sedang menghadapi keadaan ini dengan mantap
- 5 Kami telah memperkuuhkan amalan kami

Di sekolah kami, kami...

- | | | | | | | |
|---|--|---|---|---|---|---|
| 1 | telah mewujudkan pasukan pentadbir di sekolah. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 2 | melaksanakan kerja-kerja secara bekerjasama di dalam kumpulan yang besar dan kecil | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |

3	menjadi model dan menunjukkan kemahiran-kemahiran kepimpinan.	1	2	3	4	5
4	mengelolakan sekolah untuk mewujudkan interaksi yang maksimum di kalangan guru dan pelajar-pelajar	1	2	3	4	5
5	berkongsi sumber-sumber maklumat dalam unit /bidang atau kemahiran secara meluas.	1	2	3	4	5
6	berkongsi kuasa yang telah diperuntukan dalam/unit bidang secara meluas.	1	2	3	4	5
7	memberi peluang kepada setiap orang lain untuk memimpin.	1	2	3	4	5
8	menggunakan kitaran pembelajaran yang melibatkan penilaian semula, dialog, pertanyaan dan tindakan.	1	2	3	4	5
9	meluangkan masa bagi memastikan pembelajaran berlaku (seperti mesyuarat guru, kumpulan ad-hoc, dan pasukan).	1	2	3	4	5
10	mengaitkan kitaran pembelajaran kepada keutamaan kami iaitu matlamat mengajar dan belajar.	1	2	3	4	5
11	telah mengenalpasti, menemui, dan mentafsir maklumat dan data yang digunakan untuk membuat keputusan terhadap amalan pengajaran.	1	2	3	4	5
12	telah merekabentuk sistem maklumat yang menyeluruh yang boleh memastikan semua orang diberitahu dan terlibat.	1	2	3	4	5
13	telah menggariskan peranan kami termasuk memberi tumpuan kepada kelas, sekolah, komuniti, dan kerjaya.	1	2	3	4	5
14	peka kepada tanda-tanda yang kami telah melakukan peranan diluar dari amalan tradisi.	1	2	3	4	5
15	telah membentuk cara baru yang mana kami boleh berkerja bersama untuk memupuk perhubungan antara satu dengan lain.	1	2	3	4	5
16	telah membentuk rancangan untuk berkongsi tanggungjawab dalam mengimplementasikan keputusan dan persetujuan kami.	1	2	3	4	5

17	memastikan yang kitaran pembelajaran melibatkan masa dan tempat untuk meneruskan amalan refleksi yang sedang berlaku.	1	2	3	4	5
18	menunjuk cara dan memberi galakan kepada daya usaha individu dan kumpulan dengan menyediakan kemudahan sumber, personel dan masa.	1	2	3	4	5
19	telah membina rangkaian dengan sekolah-sekolah lain dalam dan luar daerah untuk maklumbalas dari kerja kami.	1	2	3	4	5
20	mengamal dan membantu inovasi tanpa jangkaan kejayaan awal yang tidak realistik.	1	2	3	4	5
21	memberi galakan dan menyertai inovasi yang persetujui bersama.	1	2	3	4	5
22	membangunkan kriteria kami sendiri untuk pemantauan, pentaksiran, dan akauntabiliti berikutan dengan kerja individu dan kerja yang dilakukan bersama.	1	2	3	4	5
23	bekerja bersama komuniti sekolah untuk menghadapi cabaran dan memenuhi kehendak manusia dimasa depan.	1	2	3	4	5
24	merekabentuk, mengajar, melatih dan menilai kurikulum dan prosesnya untuk memastikan semua pelajar dapat belajar dengan berkesan.	1	2	3	4	5
25	mengadakan maklumbalas yang sistematik untuk pelajar dan keluarga mereka mengenai kemajuan pelajar.	1	2	3	4	5
26	menerima maklum balas dari keluarga pelajar tentang kemajuan pelajar tersebut dan program sekolah.	1	2	3	4	5
27	Merangka semula peranan dan struktur untuk membolehkan sekolah membangunkan program yang boleh membangunkan resiliensi pelajar.	1	2	3	4	5

Lampiran 3-3

Surat-Surat Rasmi

Azizol Rahman b hj Lope Pihie
Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Wataniah,
Alor Keladi, 22300 Jerteh, Besut, Terengganu.

Tarikh: 3/10/2000

Kepada,

Pegawai Pendidikan Daerah Besut,
Bangunan Persekutuan
Kampong Raja Besut
Besut, Terengganu

Tuan

Memohon Kebenaran Menjalankan Kajian Di Sekolah Sekolah Menengah Daerah Besut.

Merujuk kepada perkara di atas satu kajian yang bertajuk " Kapasiti kepimpinan dan keberkesanan sekolah: Kajian Keatas Sekolah Menengah di Daerah Besut, Terengganu." Akan dilakukan sebagai memenuhi syarat pengijazahan Program Sarjana Kepengetuaan di Universiti Malaya.

Penyelidikan ini akan dijalankan dalam tempoh masa yang bermula dari 8/10/2000 hingga 24/02/2001 . Berikutan dengan itu Tuan diharap dapat mencadangkan beberapa buah sekolah yang dianggap sebagai sekolah berkesan di Daerah Besut sebagai sekolah kajian.

Kerjasama dari pihak Tuan didahului dengan ribuan terima kasih.

Yang benar,

(Azizol Rahman b Hj Lope Pihie)



نجابة فندیدبکن دایرہ بسوة،
**PEJABAT PENDIDIKAN DAERAH
BESUT**
TINGKAT 3,
BANGUNAN PERSEKUTUAN BESUT,
KAMPUNG RAJA
22200 BESUT. TERENGGANU

*Tel : 09-6956200
Fax: 09-6956100*

Ruj Kami : PPD(B)014/11/ Jld. 7 (112)
Tarikh : 10 Oktober 2000
Bersamaan: 12 Rejab 1421

En. Azizol Rahman bin Hj. Lope Pihie
SMK (A) Wataniah,
22200 Jerteh.

Tuan,

**Kebenaran Menjalankan Kajian Di Sekolah
Menengah Daerah Besut.**

Dengan hormat dan sukacitanya surat tuan bertarikh 3 Oktober 2000 mengenai perkara di atas di rujuk.

2. Sehubungan itu, Pejabat Pendidikan Daerah Besut tiada apa-apa halangan untuk membenarkan pihak tuan menjalankan satu penyelidikan yang bertajuk:-

**Kapasiti Kepimpinan dan Keberkesanan Sekolah:
Kajian Keatas Sekolah Menengah di Daerah Besut, Terengganu.**

3. Walau bagaimanapun tuan diminta mengadakan perbincangan dengan pihak pengurusan sekolah agar proses pengajaran dan pembelajaran tidak terganggu.

4. Sukacitanya kiranya tuan dapat mengirimkan ke Pejabat Pendidikan Daerah Besut satu salinan hasil penyelidikan apabila selesai kelak.

Sekian, terima kasih.

‘ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA ’
‘ SEKOLAH MULIA MURID SEJAHTERA ’

Saya yang menurut perintah.

(HJ. WAN AHMAD B. ABDULLAH)
Pen. Pegawai Pendidikan Daerah,
b/p Pegawai Pendidikan Daerah,
Besut.

s.k: Pengarah Pendidikan Terengganu .
(U/P: Tuan Haji Muhamer bin Hj. Mohd Mastor)

WAWA/wbj/

Lampiran 4-1

Taburan Kekerapan Jantina Responden

<i>Kategori responden</i>	<i>Kekerapan</i>	<i>Peratus</i>
Lelaki	23	29.5
Wanita	55	70.5
Jumlah	78	100

Lampiran 4-2

Taburan Kekerapan Umur Responden

<i>Umur</i>	<i>Kekerapan</i>	<i>Peratus</i>
< 25 tahun	1	1.3
25 – 29 tahun	7	9.0
30 – 34 tahun	24	30.8
35 – 39 tahun	22	28.2
> 39 tahun	24	30.8
Jumlah	78	100

Lampiran 4-3

Taburan Kekerapan Kelulusan Tertinggi Akademik Responden.

Kelulusan	Kekerapan	Peratus
SPM/MCE	5	6.4
STP/STPM/HSC/Politeknik	1	1.3
Diploma	4	5.1
Ijazah	67	85.9
Lain-Lain	1	1.3
Jumlah	78	100

Lampiran 4-4

Pengalaman Mengajar Responden

Tahun	Kekerapan	Peratus
< 1 tahun	2	2.6
1 – 4 tahun	14	17.9
5 – 9 tahun	28	35.9
> 10 tahun	34	43.6
Jumlah	78	100